

Perang Iraq berterusan selepas lima tahun

PRESIDEN Amerika Syarikat (AS) yang gila perang, George W. Bush langsung tidak menghiraukan pendapat umum rakyat AS yang menolak peperangan di Iraq yang mereka anggap sebagai satu 'pengembaraan perang yang salah' yang melibatkan imej AS di mata dunia khususnya di kalangan umat Islam.

Bush tidak mepedulikan kekalahan partinya, Republican dalam pilihan raya kongres bulan November lalu, bahkan dengan segala kegilaannya terus menjadikan Iraq bermandi darah, dengan darah.

Bush yang sedang menamatkan pentadbirannya selama dua penggal (lapan tahun) tercatat dalam sejarah AS sebagai presiden gila perang dan dia boleh dibawa ke muka pengadilan kerana jenayah perang terhadap umat Islam. Kalau ramai pemimpin dunia dibicarakan di Mahkamah Dunia di The Hague, Belanda kerana jenayah perang, maka Bush mempunyai ciri-ciri dan fakta-fakta yang membolehkan dia diheret ke mahkamah tersebut.

Bekas Peguam Negara AS, Ramsey Clark dan mantan PM Malaysia, Dr Mahathir Mohamad dan ramai lagi pemimpin yang 'bersuara lantang' pernah membuat saranan jenayah perang terhadap Bush, tetapi kerana dia pemimpin kuasa besar, PBB tidak berupaya menyenaraikan Presiden AS itu untuk dibawa ke muka pengadilan.

Situasi peperangan di Iraq

menjadi bertambah kompleks selepas lima tahun serangan penaklukan terhadap Iraq dan jatuhnya kota Baghdad yang menyaksikan pertukaran rejim, kejatuhan Saddam Hussien yang mati di tali gantung dan pembongkaran perisikan AS bahawa Iraq mempunyai senjata pemusnah besar-besaran (WMD).

Selama di bawah pentadbiran Bush yang menghampiri lapan tahun, agenda pemerintahannya penuh sarat dengan agenda peperangan, bermula dengan menumbangkan kerajaan Taliban di Afghanistan pada tahun 2001 digantikan dengan rejim Hamid Karzai dalam pertukaran rejim yang diangkat sendiri oleh AS. Seperti di Iraq, AS mengangkat rejim Nouri Maliki, seorang pemimpin Syiah untuk mengetuai rejim bonekanya.

Kini suasana peperangan di Iraq menempuh dimensi baru apabila berlakunya pertempuran antara Syiah dengan Syiah dan antara sunni dengan sunni. Pada peringkat awal penaklukan, pertempuran berlaku antara Syiah-sunni dan pelbagai pihak yang bertelagah di Iraq.

Pertempuran hebat dan sengit berlaku antara tentera rejim Maliki yang disokong oleh tentera AS dan Britain termasuk kekuatan udara tentera sukutu itu yang memberi bantuan perlindungan dari udara dalam pertempuran di darat antara tentera Maliki menentang tentera pejuang Mahdi, yang setia kepada ulama muda Syiah, Muqtada Al-Sadr.

Ratusan terbunuh dari kedua pihak sehingga menyebabkan Muqtada Sadr memberi kata dua amaran supaya tentera rejim Maliki menghentikan serangan-serangan terhadap pejuang Al-Mahdi atau menghadapi peperangan menyeluruh dari tentera pejuang Mahdi terhadap tentera rejim yang dibantu oleh tentera AS dan Britain. Maliki mahu tentera pejuang Mahdi dibubarkan yang tidak mungkin akan dibenarkan berlaku oleh Sadr.

AS dan sekutu baratnya telah berjaya membawa Iraq kepada kancas peperangan saudara apabila pejuang Mahdi yang terdiri dari kalangan Syiah bertempur dengan tentera Maliki yang juga di kalangan Syiah dan begitu juga di kalangan sesama sunni. Perkembangan ini menambah rumit lagi untuk mencapai kestabilan dan penyelesaian di Iraq.

AS dan barat telah memenuhi agendanya di Iraq untuk terus kekal lebih lama, kerana dengan pergolakan terbaru ini, ia memberi ruang dan waktu untuk terus kekal menjajah dan menakluki Iraq.

Jika Muqtada Al-Sadr mengisytiharkan perang terhadap tentera Maliki dan tentera AS yang mendukungnya, bererti tentera AS akan berada lebih lama di Iraq dan sehingga Bush menamatkan pentadbirannya, tentera AS akan berada di bumi Iraq sehinggalah keputusan kedudukan seterusnya di

putusan oleh Presiden baru yang menggantikan Bush.

Bush mahu meninggalkan sejarah bahawa di bawah pentadbirannya AS benar-benar menjadi kuasa unipolar yang berani bertindak menyerang Iraq; menggantikan rejim Afghanistan; meletakkan status quo politik di Lubnan; mencetuskan pergolakan di Somalia melalui perang proxy dan terus meminggirkan Hamas dalam agendanya di Palestin.

Saranan Bekas Presiden Carter supaya AS menyertakan Hamas dalam rundingan penyelesaian Palestin dan tidak meminggirkan Hamas kerana ia tidak akan membawa pelan damai ke mana-mana tanpa penyertaan Hamas. Carter membuat saranan ini setelah mengadakan rundingan langsung dengan Khaled Mashaal, pemimpin politik Hamas di Damsyik baru-baru ini.

Katanya, meminggirkan Hamas yang dipilih oleh rakyat Palestin menyebabkan tiada kelangsungan dalam proses damai di Palestin. Itulah realiti yang perlu diterima oleh pentadbiran Bush, tetapi pentadbiran Bush tidak mahu menerima realiti ini dan dengan itu sampai bila pun, realiti sebuah negara Palestin yang diuar-uarkan oleh Bush awal tahun hadapan adalah sesuatu yang sukar untuk dicapai.

Kejayaan polisi AS dan barat di negara-negara umat Islam adalah

berpunca dari sikap para pemimpin yang memanggil diri mereka sebagai pemimpin umat Islam sedangkan hakikatnya mereka sanggup menjadi boneka dan bersekongkol dengan Bush dan sekutu baratnya.

Di Afghanistan Bush mempunyai Hamid Karzai; di Iraq Maliki; di Lubnan Fued Siniora; Wahid Jumlat; di Somalia, pemimpin kerajaan sementara yang di dukung oleh rejim Habsah (Ethiopia) yang melaksanakan perang proxy; di Palestin Presiden Mahmoud Abbas.

Di beberapa buah negara umat Islam lain pula, AS mempunyai pemimpin seperti Hosni Mubarak, Musheraff, Raja Abdullah dan pemimpin-pemimpin lain sepertinya. Nilai punca kemelut yang menimpa umat Islam sejagat.

AS menyenaraikan kedua negara ini yang dianggap sebagai negara musuh 'axis of evils' kerana mereka tidak mampu menundukkan pimpinan kedua negara ini seperti mereka menundukkan pemimpin-pemimpin umat Islam negara lain.

Agenda presiden gila perang ini ialah untuk menyerang Syria dan Iran pula, tetapi masanya terlalu suntuk untuk meneruskan agenda perang terhadap negara umat Islam ini kerana Bush hanya membilang hari sahaja lagi untuk meninggalkan Rumah Puteh.

**Penulis ialah perunding media di Kuala Lumpur.*